

2.2.1	Membaca	Membaca untuk memahami makna perkataan yang terdapat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari dan kamus dengan betul dan tepat.
-------	---------	---

ALAT MUZIK TRADISIONAL

Alat muzik **tradisional** yang paling sinonim dengan masyarakat di Sarawak ialah sape. Bentuknya seperti gambus panjang bertali empat. Badannya panjang dan berbentuk hampir empat segi dan dibuat daripada kayu jakuvang. Pada permukaan sape ini, diukir dengan ukiran yang **bermotifkan** seni orang Iban, Kayan dan Kenyah serta diwarnakan dengan warna merah atau hitam

Alat ini akan dimainkan sebagai muzik untuk mengiringi penari-penari atau semasa **perayaan** besar. Pada zaman dahulu, golongan **teruna** bermain sape untuk memikat gadis. Cara menggunakan sape adalah dengan meriba sape seperti gitar dan dipetik dengan jari-jari sebelah tangan. Sebelah tangan lagi menekan tali-tali pada pelbagai peringkat mengikut **alunan** iramanya.

Selain itu, gong juga merupakan satu daripada alat muzik tradisional

masyarakat di Sarawak. Gong ini dibuat daripada tembaga. Bagi suku kaum Kayan, gong bukan sahaja **berfungsi** sebagai alat muzik, tetapi juga sebagai hantaran perkahwinan daripada pengantin lelaki kepada bapa pengantin perempuan. Pemberian gong tersebut sebagai **simbolik** bahawa pengantin lelaki sanggup memikul **tanggungjawab** untuk menjaga pasangan dengan baiknya. Pengantin juga akan duduk di atas gong semasa majlis perkahwinan berlangsung

Padankan makna dengan perkataan yang betul. Anda perlu memasukkan nombor perkataan di dalam kotak jawapan makna

Perkataan		Jawapan	Makna
1. tradisional			menggunakan sesuatu sebagai corak
2. bermotifkan			pesta untuk merayakan sesuatu
3. perayaan			irama atau rentak tinggi rendah
4. teruna			bersifat atau bercorak lama
5. alunan			menjadi lambang
6. berfungsi			anak lelaki yang masih muda
7. simbolik			kewajipan yang dipikul oleh seseorang
8. tanggungjawab			mempunyai tugas